



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **SIARAN MEDIA**

### **KEPELBAGAIAN ASAS KEKUATAN SOSIAL MASYARAKAT SARAWAK**

---

**KANOWIT**, 8 Mei 2026 – **Sarawak sebagai antara wilayah paling pesat membangun di Malaysia dan diiktiraf sebagai contoh kejayaan inklusif yang berteraskan perpaduan, kebersamaan etnik dan keharmonian rakyat.** Perkara tersebut dinyatakan oleh YB Dato Sri Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara semasa menyempurnakan Majlis Perasmian Kanowit Cultural Festival (KCF) Siri 1 Tahun 2026 di Kanowit Waterfront, Sarawak.

YB Menteri Perpaduan Negara dalam ucapannya berkata, **“Kepelbagaian menjadi asas kekuatan sosial yang membentuk keharmonian dan kestabilan masyarakat Sarawak berdasarkan kepada dapatan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2025 yang menunjukkan Wilayah Sarawak mencatatkan skor tertinggi di seluruh negara iaitu 0.791”.**

“Ini membuktikan bahawa asas perpaduan di Sarawak adalah kukuh dan berdaya tahan, hasil daripada **budaya hidup bermasyarakat yang menekankan nilai kebersamaan dan saling menghormati.** Kejayaan ini wajar dijadikan rujukan dalam memperkukuh perpaduan di peringkat nasional”, tambah beliau.

Pada masa yang sama, penganjuran Kanowit Cultural Festival (KCF) Siri 1 Tahun 2026 merupakan penganjuran yang buat julung kalinya diadakan dengan **memberikan tumpuan kepada memelihara dan memperkukuh adat dan warisan etnik, menjana sosioekonomi setempat melalui penjualan produk tempatan dan memperkasa perpaduan dalam kalangan komuniti.**

## **UNTUK SIARAN NEGARA**

Pelbagai pengisian menarik disediakan kepada orang ramai sepanjang pelaksanaan KCF bermula **8 Mei hingga 31 Mei 2026** dan antara tarikan utama termasuk **Bazar Gawai, upacara Niti Daun, pertandingan Betaboh dan Ngajat, Pekit Kumang** dan bermacam-macam lagi.

YB Datuk Aaron Ago Dagang menegaskan bahawa kejayaan penganjuran KCF ini merupakan langkah penting dalam memelihara serta mengembangkan adat dan tradisi masyarakat setempat kerana **Kanowit harus dikenali sebagai sebuah destinasi yang kaya dengan keunikan budaya, sejarah dan identiti masyarakatnya**. Beliau turut berharap agar KCF dapat dimasukkan ke dalam *Calendar of Events* di bawah **Sarawak Tourism Board** sebagai *signature event* Kanowit, seperti Pesta kanowit yang dianjurkan setiap Oktober.

### **KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

8 Mei 2026

KPN.100-9/1/16 ( 41 )

